

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (KULAI)**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING (KULAI)** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menyatukan Kementerian/agensi yang bertindih fungsi berkaitan dengan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak awam dan swasta.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia diletakkan di bawah fungsi dan kawalan dua kementerian dan akta yang berbeza. Asuhan bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 4 tahun tertakluk kepada Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*] di bawah fungsi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Manakala pendidikan bagi kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] di bawah fungsi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kedua-dua akta iaitu Akta 550 dan Akta 308 serta perundangan subsidiari yang dibuat di bawah akta tersebut mempunyai peruntukan yang khusus dan tidak bertindih bagi maksud pengawalseliaan, penguatkuasaan, penubuhan dan operasi institusi pendidikan awal kanak-kanak. Oleh itu, buat masa ini, KPM akan menggunapakai peruntukan akta sedia ada.